

20 JUL 1996

Mahathir-Kelantan

BERI PELUANG RAKYAT KELANTAN PERBETUL KEADAAN, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 20 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan pusat akan mengelak daripada campur tangan dalam isu kedudukan kerajaan negeri Kelantan tetapi berpendapat rakyat Kelantan perlu diberi peluang membetulkan keadaan.

"Kita seboleh-bolehnya tidak mahu campur tangan. Bukan niat kita untuk rebut kuasa secara penggunaan kuasa kerajaan pusat," katanya kepada pemberita di Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Abdul Aziz Shah di Subang sekembali daripada lawatan rasmi ke Republik Kyrgyz dan Kazakhstan malam ini.

Dr Mahathir meminta semua pihak termasuk PAS, Parti Melayu Semangat 46 (S46) dan Umno berfikir bahawa matlamat demokrasi bukanlah memberi kuasa kepada sebuah kerajaan tetapi ia adalah untuk kebaikan rakyat.

"Kalau dengan mereka menjadi kerajaan, mereka tidak dapat membawa kebaikan kepada rakyat, mereka harus memikir bahawa rakyat perlu diberi peluang mungkin untuk membetulkan sesuatu yang tidak betul," katanya.

Perdana Menteri meminta supaya keadaan di negeri Kelantan tidak sampai kepada situasi huru-hara, sehingga menyebabkan kerajaan pusat terpaksa campur tangan.

"Keadaan belumlah sampai kepada satu tahap yang berbahaya. Dengan itu, eloklah kalau kita tidak ambil tindakan seperti yang dicadangkan oleh sesetengah orang supaya diadakan deklarasasi darurat dan kita ambilalih kerajaan (Kelantan)," kata Dr Mahathir.

Menyentuh pengguguran empat anggota Exco dari S46 daripada kerajaan negeri Kelantan oleh Menteri Besar Datuk Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat, Dr Mahathir berkata pengguguran itu patut diterima oleh raja yang memerintah seperti mana berlaku semasa perlantikan dibuat.

Dr Mahathir berkata Umno tidak boleh bekerjasama dengan PAS kerana parti itu lebih mengutamakan kepentingan politik kepartian daripada rakyat Kelantan dan agama.

"Kononnya ulama perlu tentukan segala-galanya kerana ulama waris Nabi, tapi ulama yang macam mana yang jadi waris Nabi, ulama yang utamakan kepentingan politik? Orang ini waris Nabi? Saya tak terima," katanya.

Mengulas mengenai kemasukan seorang anggota Dewan Undangan Negeri Kelantan dari S46 ke dalam PAS: "Saya tak hairan, orang yang lompat masuk dalam S46 ini pun ada, kerana kecewapun ada juga, jadi kalau ada orang yang utamakan kepentingan diri ini dia bolehlah berbuat demikian."

Dr Mahathir berkata beliau tidak yakin semua anggota S46 akan menyertai Umno.

Katanya: "Saya fikir (Presiden S46) Tengku Razaleigh Hamzah sendiri pun tahu bahawa ada yang tidak bersetuju (memasuki Umno)."

Perdana Menteri turut mengingatkan PAS bahawa dalam pilihan raya tahun lepas parti itu tidak dipilih atas asas PAS secara individu tetapi atas sifatnya bertanding dalam Angkatan Perpaduan Ummah (Angkatan).

"Sekarang ini kalau Angkatan sudah dibubar, tidak ada lagi kerjasama, saya berpendapat eloklah difikir sama ada rakyat Kelantan masih menyokong parti yang bertanding sebagai Angkatan," katanya.

Dr Mahathir berkata beliau bukan meminta supaya Dewan Undangan Negeri Kelantan dibubarkan tetapi menyerahkan perkara itu kepada pemimpin-pemimpin PAS.

Beliau berkata isu kedudukan kerajaan negeri Kelantan tidak ada kena-mengena dengan hasrat S46 untuk menyertai Umno.

Mengenai lawatannya ke Republik Kyrgyz dan Kazakhstan, Dr Mahathir berkata kedua-dua negara itu menunjukkan sikap ingin berbaik-baik dengan Malaysia dan berharap untuk menarik minat pelabur-pelabur dari negara ini ke sana.

Katanya sangkaan bahawa negara bekas komunis kurang maju adalah kurang tepat kerana mereka menunjukkan kemajuan dalam aspek-aspek tertentu.

Dr Mahathir berkata Malaysia dan Kazakhstan bersetuju membentuk sebuah jawatankuasa bersama bagi merangka cara bagaimana Malaysia dapat membantu Kazakhstan membina ibu negara yang baru di Akmoly, 1,000km dari ibu negara yang ada sekarang, Almaty.

Beliau berkata empat orang pegawai Kazakhstan turut bersama-sama rombongan yang pulang hari ini untuk meninjau dengan lebih dekat cara Malaysia melaksanakan pembinaan pusat pentadbiran baru di Putrajaya dekat sini.

Selepas rundingannya dengan Dr Mahathir di Almaty Khamis lalu, Presiden Kazakhstan Nursultan Nazarbayev secara rasmi mengumumkan hasrat negaranya meminta pengalaman dan kepakaran Malaysia untuk membina ibu negara baru di Akmoly itu.

-- BERNAMA

AFY MAM AKD